

CNS3282

R GB 25-04 00150 BH665

bah

Mahathir - Komanwel (Bergambar)

I

KUALA LUMPUR, 25 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melancarkan Persatuan Pergigian Komanwel (CDA) dengan ianya memainkan peranan meningkatkan tahap kesihatan pergigian terutama di kalangan negara anggota.

Dalam upacara berwarna-warni yang dimeriahkan lagi dengan tarian tradisional dan pertunjukan fesyen batik di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, beliau berkata oleh kerana pengetahuan mengenai kesihatan dan pergigian semakin meluas dan berubah, peranan CDA amatlah penting.

+Dalam hubungan ini, persatuan seperti ini boleh menjadi forum yang berkesan bagi pertukaran maklumat dan pengalaman di kalangan negara anggota,+ katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir kemudian memukul gong sebanyak tiga kali bagi menandakan pelancaran persatuan itu.

Perdana Menteri berkata bahawa penubuhan CDA tidak seharusnya memanfaatkan negara maju sahaja tetapi juga negara-negara kecil yang berusaha untuk meningkatkan taraf kesihatan pergigian. -- Lagi

▼25/04/20-49MST

CNS3283

R GB 25-04 00173 BH666

bah

Mahathir - Komanwel 2 Kuala Lumpur

+Lebih 1,000 juta orang penduduk di negara anggota hendaklah mendapat manfaat hasil daripada penubuhan CDA. Jika tidak, seluruh usaha ini sia-sia sahaja,+ kata beliau.

Penubuhan CDA diilhamkan kira-kira 10 tahun lepas.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata: +Dalam usaha kita untuk mengatasi masalah kesihatan pergigian di dunia, kita perlu ingat bahawa kita berdepan dengan negara-negara yang mempunyai keperluan dan keupayaan yang berlainan.

Justru itu, matlamat penubuhan CDA hendaklah ditakrifkan dengan jelas, dibincangkan dan diperjuangkan.+

Beliau menggesa doktor-doktor gigi meningkatkan perkhidmatan profesional mereka dan peka kepada perkembangan mutakhir mengenai pengetahuan dan teknologi pergigian memandangkan permintaan bagi kesihatan pergigian semakin meningkat.

Dalam perutusannya, Setiausaha Agung Komanwel Chief Emeka Anyaoku berkata persatuan itu akan menjadi forum yang berkesan bagi bertukar-tukar pengalaman dan kepakaran di kalangan negara anggota Komanwel.

S. Prince Apabio dari Nigeria dipilih sebagai Presiden persatuan untuk tempoh dua tahun sementara Dr A. Ratnanesan dari Malaysia dipilih sebagai bakal Presiden bagi tempoh 1993-94. -- Bernama